

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 3(4)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 05 TAHUN 2016**

Tarikh : 19 Mei 2016 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi hingga 10.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN PENGERUSI

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 05/2016 dan seterusnya memaklumkan mengenai beberapa perkara berikut:

2.1 Lawatan Panel Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Daripada Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan Malaysia, Negeri Selangor

Majlis Perbandaran Subang Jaya sekali lagi telah dihadiri oleh Panel Penilai Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan pada 11-12 Mei 2016 yang lalu. Sepanjang dua hari penilaian Inspektorat telah berjalan dengan lancar dan MPSJ

meletakkan harapan yang tinggi agar dapat mencapai taraf lima bintang berdasarkan usaha dan komitmen semua pihak dalam memastikan keselamatan perlindungan di MPSJ sentiasa mematuhi Garis Panduan Keselamatan Jabatan yang telah ditetapkan.

2.2 Ucapan Tahniah Di Atas Kejayaan Penganjuran Majlis 'Official Visit And Memorandum Of Friendship Between Subang Jaya Municipal Council - Dae-Jeon East District City Council, South Korea'

Pada 17 Mei 2016 (Selasa), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menerima kunjungan hormat daripada Mr. You Taekho, Presiden *Daejeon East District City Council*, Korea Selatan bersama 16 orang delegasi dari *Dae-Jeon East District City Council*, Korea Selatan. Kunjungan rasmi ini adalah sebagai perkongsian bestari mengenai hal-hal ekonomi, perancangan perbandaran disamping menjalinkan hubungan rasmi bersama pihak *Dae-Jeon East District City Council*, Korea Selatan menerusi Memorandum Persahabatan (MOF) dan MPSJ.

Majlis Perbandaran Subang Jaya juga amat berbesar hati kerana wakil Kedutaan Korea Selatan, Wisma Putra dan dari Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) juga turut hadir bersama didalam majlis tersebut.

Pelaksanaan Memorandum Persahabatan (MOF) ini adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan persahabatan di antara Korea Selatan dan Malaysia khususnya *Dae-Jeon East District City Council*, sekaligus menyumbang kepada pembangunan, kualiti, inovasi dan produktiviti diperingkat antarabangsa. Antara kandungan MOF ini adalah, persetujuan untuk mempromosikan persefahaman dan memberikan kerjasama dalam perkongsian bestari, program pembangunan perancangan bandar dan inovasi, alam sekitar, ekonomi, dan sebagainya demi kemajuan pembangunan kedua-dua belah pihak.

2.3 Majlis Apresiasi Media MPSJ 2015

Sukacita saya maklumkan pada hari ini **19 Mei 2016 (Khamis)** akan berlangsung **Majlis Apresiasi Media MPSJ 2015** pada jam 12.00 tengah hari di Laman Kenanga, Aras 1 MPSJ. Objektif penganjurian majlis ini adalah untuk menzahirkan penghargaan dan pengiktirafan kepada pihak media sekaligus menjalinkan hubungan yang baik di antara media dan MPSJ. Media adalah sumber utama dalam penyampaian informasi kepada masyarakat. Peranan media dalam sama-sama mendokong dan menyokong MPSJ amatlah dihargai dan semoga kerjasama erat ini akan terus terjalin. Sebagai penghargaan, pihak Majlis juga amat berbesar hati untuk menyampaikan beberapa anugerah kepada pihak media. Semua hadirin dijemput hadir bersama di dalam Majlis Apresiasi Media MPSJ 2015 yang akan berlangsung setelah tamat mesyuarat ini.

2.4 Majlis Upacara Pecah Tanah Bangunan Tempat Letak Kereta Bertingkat Di SS15, Subang Jaya

Majlis Upacara Pecah Tanah Bangunan Tempat Letak Kereta Bertingkat Di SS15, Subang Jaya akan diadakan pada 30 Mei 2016 (Isnin) jam 9.00 pagi di kawasan lapang SS 15, Subang Jaya.

Majlis ini akan dihadiri oleh YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, ADUN Subang Jaya dan YB Tuan Wong Chen, Ahli Parlimen Kelana Jaya. Kos pembinaan tempat letak kereta bertingkat di SS15, Subang Jaya termasuk bayaran kenaaan GST adalah sebanyak RM11, 778, 778.62 (Ringgit Malaysia Sebelah Juta Tujuh Ratus Tujuh Puluh Lapan Ribu Tujuh Ratus Tujuh Puluh Lapan dan Sen Enam Puluh Dua Sahaja). Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 9 Mei 2016 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 7 Mei 2017.

2.5 Program Gotong-Royong Di Tanah Perkuburan Islam MPSJ, USJ 22, Subang Jaya

Pada 21 Mei 2016 (Sabtu), jam 8.30 pagi akan diadakan program gotong-royong di Tanah Perkuburan Islam MPSJ, USJ 22, Subang Jaya. Tujuan program ini adalah untuk mengeratkan silaturahim di antara wakil 13 kariah Masjid yang berada di bawah pentadbiran MPSJ. Pihak Majlis telah menjemput 5 orang wakil bagi setiap kariah Masjid bagi sama-sama menjayakan program gotong-royong ini. Semoga program ini dapat dilaksanakan secara berterusan agar kawasan Tanah Perkuburan Islam MPSJ, USJ 22, Subang Jaya akan menjadi kawasan tanah perkuburan yang bersih dan indah untuk keselesaan waris-waris yang menziarah.

2.6 Majlis Hi - Tea Bapa Angkat Pasukan Sukma Negeri Selangor 2016

Pada tahun ini, pihak MPSJ akan menjadi Bapa Angkat kepada pasukan SUKMA Selangor yang melibatkan sukan Bolasepak dan *Tenpin Bowling*. Pada tahun ini sukan SUKMA bagi kali yang ke - 18 akan diadakan di Kuching, Sarawak. Sehubungan dengan itu, sebagai sokongan terhadap sukan SUKMA Selangor 2016 ini, pihak MPSJ akan meraikan 2 pasukan tersebut di dalam satu Majlis *Hi-Tea* yang akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 20hb Mei 2016 (Jumaat)
Masa : 4.00 Petang
Lokasi : Dewan Kompleks 3K, SS 13 Subang Jaya

2.7 Program Rakan Masjid - Imarah Ramadan Secara Smart Partnership Di Antara MPSJ Dan Jawatankuasa Masjid/Surau

Sempena bulan Ramadan 1437H tahun ini, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah merangka aktiviti yang akan diadakan dengan kerjasama pihak Masjid dan surau yang terpilih. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk mengimarahkan masjid sempena bulan Ramadan yang mulia ini. Disamping menarik

minat golongan belia dan remaja untuk mendekati masjid/surau serta dapat menerapkan amalan nilai-nilai murni di sepanjang bulan Ramadan dan diharapkan niat murni ini dapat memberi impak positif yang berterusan kepada mereka. Program ini akan berlangsung pada 7 Jun 2016 hingga 3 Julai 2016. Kumpulan sasaran program ini adalah golongan remaja lepasan sekolah, belia, golongan pelajar dan anak yatim.

2.8 Taklimat Bazar Ramadan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2016

Taklimat Bazar Ramadan MPSJ pada tahun ini akan di adakan pada :

Tarikh : 22hb Mei 2016 (Ahad)
Tempat : Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya
Masa : 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Program ini telah diadakan pada setiap tahun bagi memberi peluang dan ruang kepada peniaga bazar Ramadan MPSJ untuk mengetahui dan mendalami isu serta masalah di tapak sepanjang menjalankan perniagaan. Pada tahun ini Jabatan Pelesenan telah menerima sumbangan daripada pihak Hotel Grand Dorsett Subang Jaya yang telah membenarkan MPSJ menggunakan *Ballroom* mereka untuk Taklimat Bazar Ramadan MPSJ 2016. Disamping itu, MPSJ juga telah menerima sumbangan daripada pihak Unilever Berhad berbentuk hadiah bagi pemenang-pemenang Anugerah Peniaga Contoh.

2.9 Undian Petak Bazar Ramadan

Proses undian petak Bazar Ramadan akan di adakan pada:

Tarikh : 24hb Mei 2016 (Selasa)
Tempat : Stadium Tertutup MPSJ Serdang
Masa : 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari

Proses pengundian ini akan dilaksanakan oleh Ahli Majlis dan Pegawai MPSJ yang telah dilantik dengan pemantauan daripada Pegawai Jabatan Audit dan Unit Integriti MPSJ. Disamping itu pihak penaja Unilever (M) Berhad akan mengadakan taklimat dan pemberian baucer wang tunai dan barangan bernilai RM 300.00 kepada 275 peniaga makanan yang telah terpilih. Pemilihan ini dilakukan kepada peniaga makanan yang terawal mendaftar ketika Taklimat Bazar Ramadan.

2.10 Penguatkuasaan Cukai Taksiran Dengan Kadar Komersil Bagi Hartanah Berkonsepkan *Small Office Home Office (Soho)*, *Small Office Versatile / Virtual Office (Sovo)* Dan *Small Office Flexible / Facility Office (Sofa)*

MPSJ telah menguatkuasakan Cukai Taksiran bagi hartanah berkonsepkan SOHO, SOVO dan SOFO pada kadar 6% yang merupakan kadar komersil / perniagaan.

Secara ringkasnya , istilah atau penggunaan pegangan tersebut adalah seperti berikut:

- SOHO adalah perkongsian ruang pejabat dan ruang kediaman;
- SOFO adalah unit yang menawarkan pemilik fleksibiliti untuk tujuan kediaman atau komersil atau kedua-duanya; dan
- SOVO pula adalah unit komersil yang menyediakan ruang kerja atau melibatkan ruang pejabat atau perniagaan bersaiz kecil.

Ketiga-tiga jenis pegangan di atas dikategorikan sebagai hartanah komersil kerana ia hanya boleh dibangunkan di atas tanah yang berstatus perniagaan atau perdagangan sahaja dan bukan di atas tanah yang dizonkan sebagai kediaman.

Penilaian Cukai Taksiran berdasarkan kadar perniagaan juga adalah selaras dengan kelulusan permohonan kebenaran merancang oleh pihak Majlis dan kelulusan Borang F (Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan atau *Certificate of Completion and*

Compliance (CCC) yang dikeluarkan oleh arkitek berdaftar yang dilantik oleh pemaju. Oleh yang demikian, MPSJ ingin memaklumkan bahawa pengenaan kadar 6% iaitu kadar komersil untuk penilaian Cukai Taksiran bagi hartanah berkonsepkan SOHO, SOVO dan SOFO di seluruh kawasan Majlis adalah dikekalkan bagi memastikan keseragaman penilaian bagi harta tanah di bawah kategori ini. Sehubungan dengan itu juga, pemilik-pemilik harta, terutamanya dari jenis SOHO perlu mengambil maklum bahawa walau pun pegangan digunakan sebagai kediaman sahaja, pihak Majlis telah memutuskan bahawa Cukai Taksiran bagi SOHO, SOVO dan SOFO akan dinilai sebagai pegangan komersil pada kadar 6%.

2.11 Laporan Wabak Demam Denggi

Bilangan kes demam denggi dilaporkan sehingga **Minggu Epid 19** (iaitu sehingga **14 Mei 2016**) adalah menurun kepada 164 kes berbanding pada minggu epid sebelumnya iaitu sebanyak 185 kes telah direkodkan.

Sehubungan dengan itu juga, bilangan lokaliti *hotspot* juga telah menurun kepada 27 lokaliti berbanding 29 lokaliti pada minggu epid sebelum ini. Pecahan lokaliti *hotspot* yang direkodkan adalah seperti berikut:

- Zon Subang Jaya - 8 lokaliti *hotspot*
- Zon Kinrara - 7 lokaliti *hotspot*
- Zon Seri Serdang - 9 lokaliti *hotspot*
- Zon Seri Kembangan - 3 lokaliti *hotspot*

2.12 Laporan Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Pembuangan Sampah Haram

Sebagai makluman sehingga bulan April 2016, MPSJ telah mengeluarkan sebanyak 70 Notis Tawaran Kompaun (NTK) dan 7 sitaan kenderaan telah pun dilakukan. 13 NTK telah dikeluarkan di bawah seksyen 4 (kesalahan membuang apa-apa sampah di tempat awam), 29 NTK di bawah seksyen 6 (kesalahan tidak

menyediakan tong sampah di premis perniagaan) dan 28 NTK di bawah seksyen 12 (kesalahan membuang buangan perindustrian dan buangan dagangan yang ditetapkan oleh Majlis). Kesemua NTK ini dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPS) MPSJ 2007.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 04/2016

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 04 Tahun 2016 yang telah diadakan pada 29 April 2016 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.7/2016 bertarikh 9 Mei 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 10.3 & M/surat 103	Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli	Pendengaran Bantahan bagi Kelulusan Kebenaran Merancang -Fivestar Development (Puchong) Sdn.	Beliau memohon supaya penduduk diberi peluang untuk terlibat di dalam pendengaran bantahan. Seterusnya, beliau mencadangkan supaya mewujudkan satu

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Bhd.	<p>Jawatankuasa Kecil Pendengaran Bantahan bagi kelulusan-kelulusan yang melibatkan kebenaran merancang.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan mengadakan taklimat bersama pihak pemaju, penduduk dan juga Jawatankuasa Penduduk. Tarikh akan dimaklumkan. Setakat ini, pihak Majlis masih belum menubuhkan jawatankuasa tersebut. Walau bagaimanapun bagi penubuhan jawatankuasa tersebut, ianya tidak termaktub di bawah mana-mana peruntukan undang-undang Majlis.</p>

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.8/2016 bertarikh 16 Mei 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.6 & M/surat 34	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Permohonan Serentak Pindaan Kebenaran Merancang + Pindaan Pelan Jalan dan Perparitan -Wonderful Insights Sdn. Bhd.	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis membantu memudahkan permohonan tersebut. Sehubungan dengan itu juga, beliau memohon supaya pihak Majlis menyenarai kes-kes yang merujuk kepada Lembaga Rayuan.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan sentiasa memudahcarakan segala permohonan yang mematuhi segera prosedur yang ditetapkan oleh pihak Majlis. Walau bagaimanapun terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan sebelum sebarang kelulusan diberikan. Pihak Pemaju juga diberi peluang untuk membawa kepada Lembaga Rayuan.</p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan maklumat senarai kes yang merujuk kepada Lembaga Rayuan akan diserahkan secara bertulis.</p>
2.	Para 5.2 (a) & M/surat 23	Encik Chia Yew Ken	Permohonan Kebenaran Merancang (MPSJ.JPB.BP1. 600-1/14/4)	Beliau memohon untuk mengadakan satu perbincangan bersama pihak yang akan memberi taraf bintang kepada pihak hotel. Perkara ini perlu

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>diseragamkan supaya lebih jelas kepada semua pihak.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis telah mengaturkan satu perjumpaan bersama pihak-pihak tersebut bagi menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai perkara yang berbangkit.</p>

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil.4/2016 bertarikh 10 Mei 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.1 & M/surat 6	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Lokasi Penempatan Anjing atau <i>Dog Park</i>	<p>Beliau memaklumkan bahawa cadangan beliau adalah <i>Dog Park</i> dan bukannya <i>Dog Pound</i>. Sehubungan dengan itu juga, beliau memohon pembetulan bagi nama tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Timbalan Yang Dipertua</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>menjelaskan bahawa <i>Dog Park</i> tersebut juga akan beroperasi sebagai <i>Dog Pound</i>. Perbincangan awal yang diadakan adalah untuk meletakkan kedua-duanya sekali di kawasan tersebut.</p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan mengekalkan kepada nama tersebut sebagai Lokasi Penempatan Anjing.</p>
2.	Para 11.2 & M/surat 47	Encik Pooi Weng Keong	Aduan berkaitan kacauganggu daripada City Food Court	<p>Beliau memohon penjelasan mengenai tindakan terhadap aduan ini dan perlu mengambil tindakan segera.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <p>YBhg. Dato' Yang Dipertua memohon supaya Jabatan Pelesenan membuat semakan dan mengambil tindakan segera terhadap aduan ini.</p>

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil.4/2016 bertarih 11 Mei 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan:

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 4/2016 bertarikh 11 Mei 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.3 & M/surat 5	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Senarai Notis Tawaran Kompaun (NTK)	Beliau memohon untuk mendapatkan jumlah Notis Tawaran Kompaun (NTK) bagi keseluruhan di kawasan MPSJ <u>Maklumbalas</u> YBhg. Dato' Yang Dipertua memohon supaya Urusetia bagi Jawatankuasa Pengindahan Bandar dapat memberikan data seperti yang diminta.

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 4/2016 bertarikh 12 Mei 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 4/2016 bertarikh 12 Mei 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & M/surat 4	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Lokasi Pusat Anjing atau <i>Dog Park</i>	Beliau memohon nama <i>Dog Park</i> dikekalkan sebab maksud dengan <i>Dog Pound</i> adalah berbeza. Seterusnya beliau memohon supaya pihak Majlis mempertimbangkan lokasi yang sesuai dan selamat sebagai penempatan kepada anjing-anjing. <u>Maklum balas</u> YBhg. Dato' Yang Dipertua memohon jabatan yang bertanggungjawab melihat semula mengenai isu ini.

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil.4/2016 bertarikh 13 Mei 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil.3/2016 bertarikh 17 Mei 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.0 PENUTUP

- 6.1** Notis Usul yang dibaca oleh Encik Chang Kim Loong diterima dan mesyuarat memutuskan supaya perkara tersebut di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Majlis Perbandaran Subang Jaya pada bulan akan datang.
- 6.2** YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.30 pagi. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Jun 2016** dijangka akan diadakan pada **30 Jun 2016 (Khamis)** jam 10.00 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID), S.I.S., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, D.P.M.S, S.M.S
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid, S.I.S, A.M.S
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Jaber bin Ami | - | " |
| 5. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 6. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 7. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 8. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 9. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 11. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 12. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 13. | Encik Wan Hock Leong, P.J.M, P.P.A | - | " |
| 14. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 15. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 16. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 17. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 18. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 19. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 20. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 21. | Puan Wong Siew Ki | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 3. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 4. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
9. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC
11. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
12. Puan Noraziah binti Ali
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
14. Puan Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
15. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
16. Puan Satinah binti Safirol
Pengarah, Jabatan COB
17. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
18. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan

19. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
20. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
21. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
22. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
23. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
24. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
25. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
26. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
27. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
28. Puan Roslailatulhani binti Md Sawal
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
29. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
30. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
31. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil

32. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
33. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
34. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
35. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
36. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam
37. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
38. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
39. Puan Nurul Ain binti Mohammad Napih
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
40. Puan Zaiyanazareth binti Zaini
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
41. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

URUS SETIA

1. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan